

Selangor komited tingkat kualiti hidup rakyat

B.H. M/S 13 27.4.07

Oleh Dr Mohamad Khir Toyo

SELANGOR banyak menyumbang kepada negara dalam pelbagai bidang termasuk menerusi sektor ekonomi, pembuatan, perkhidmatan pertanian dan pelancongan. Dalam ekonomi, sumbangannya kepada negara mencapai hampir 25 peratus, manakala dalam bidang pelaburan mencecah RM9.6 bilion tahun lalu.

Sebagai sebuah negeri maju, Selangor akan terus memacu ke arah mencapai paras lebih tinggi dalam pelbagai bidang untuk kepentingan rakyat, tidak kira bangsa dan agama, tinggal di bandar atau desa, yang makan gaji, ahli perniagaan atau bekerja sendiri.

Mutu produk keluaran Selangor juga sentiasa diperbaiki untuk meningkatkan pendapatan di kalangan rakyat di kampung, petani dan nelayan. Umpamanya, industri memproses baja kompos dari cacing dan jerami yang memberi pendapatan sampingan kepada petani.

Menerusi konsep 'waste to wealth' Se-

tohnya, kerajaan memberi subsidi atau menentukan harga rumah, terutama untuk yang berpendapatan rendah, terus rendah.

Yang penting rakyat menggunakan dengan baik segala kemudahan yang dilaksanakan.

Jika kita buat masjid, kita harap ia dimarahkan. Janganlah ada masjid besar, tetapi tidak ramai mengunjunginya.

Di Ijok saja, berbagai-bagai projek dilaksanakan dalam sektor pertanian, industri, pembuatan dan perniagaan yang memberi manfaat kepada penduduk semua kaum di kawasan Ijok dan sekitarnya.

Berhampiran Ijok juga terletak Universiti Industri Selangor (Unisel) yang dalam masa dua tahun sudah mampu menarik lebih 10,000 pelajar termasuk daripada luar negara.

Kita akan terus membangun dan memodenkan Ijok, tetapi kita berharap rakyat mengambil semua peluang yang ada. Kita percaya mereka tidak mahu sekadar menjadi pemerhati dan tidak mendapat faedah dari segala usaha dan tindakan kerajaan

untuk kebaikan mereka.

Kerajaan sentiasa membuktikan segala janji dibuat kepada rakyat, termasuk di Ijok, ditunaikan. Tetapi tidak semua projek boleh disiapkan dengan segera kerana membatik pelbagai perkara daripada perancangan kepada pelaksanaan. Tetapi yang pasti, kita tidak mengetepikan kehendak rakyat.

Di Ijok dan semua kawasan di Selangor, Kerajaan menyenaraikan segala projek diperlukan untuk dilaksanakan berperingkat-peringkat. Kita melaksanakan projek di Ijok kerana ia diperlukan masa ini. Projek-projek ini diluluskan sebelum diketahui ada pilihan raya kecil lagi.

Di kawasan lain pun, projek pembangunan dijalankan, walaupun bukan musim pilihan raya kecil.

Di Selangor, projek jalan dilaksanakan di daerah lain juga. Jalan antara Klang dan Sabak Bernam sudah setaraf menjadi lebuh raya, walaupun ia jalan merentasi kawasan luar bandar.

Pelbagai projek, termasuk yang terbabit

dengan perusahaan kecil dan sederhana (PKS) seperti pembuatan makanan yang memberi hasil lumayan kepada orang-orang kampung di semua sembilan daerah di Selangor sejak bertahun-tahun.

Kerajaan juga sentiasa memberi tumpuan kepada Program Perumahan Rakyat Termiskin (PPRT) dengan membina rumah yang selesa.

Kita berharap jika ada pihak yang ingin menegur kerajaan mengenai ketidakpuasan hati, berilah cadangan tentang apa yang boleh dilaksanakan untuk meningkatkan perkhidmatan kepada rakyat dengan beretika, bukan mengaibkan orang dan melamparkan fitnah. Kerajaan terbuka dan bersedia menerima sebarang teguran membina.

Bagi pihak kerajaan, sama ada pada musim pilihan raya atau di luar musim pilihan raya, kita akan terus meningkatkan usaha memajukan semua bidang untuk kepentingan rakyat dan negara.

Penulis adalah Menteri Besar Selangor

panjang berjaya memproses bahan buangan kepada punca hasil kepada petani. Antaranya, sayur-sayuran dan buah-buahan yang sudah lusuh dan buruk. Jika dulu ia dibuang, sejak tahun lalu kita memprosesnya menjadi baja kompos. Langkah ini bukan saja menolong mengurangkan sampah dibuang, bahkan memberi hasil daripada baja kompos yang dijual kepada pengguna.

Begitu juga kita menolong rakyat kampung memproses buah-buahan kepada produk tambah nilai seperti membuat kerepek daripada pisang dan ubi dan memperkenalkan kebun ikan dan kebun kerang. Semuanya sudah meningkatkan hasil rakyat kampung, petani dan nelayan.

Kini, banyak produk keluaran industri kecil dan sederhana Selangor menembusi pasaran antarabangsa.

Perlu ditekankan usaha kerajaan yang berterusan meliputi semua daerah di Selangor, bukan ditumpukan di satu kawasan saja. Kerajaan negeri juga berusaha memperkenalkan lebih banyak pasar tani dan pasar rakyat di merata tempat seluruh negeri.

Ada pihak tertentu mendakwa banyak projek pembangunan dijalankan swasta, bukan projek kerajaan. Ia tidak benar. Dalam apa saja projek, kerajaan banyak memainkan peranan. Dari segi perumahan con-



JADI KEBANGGAAN: Unisel berhampiran Iloik menjadi lambang pembangunan di kawasan sekitar.